



YAYASAN WARISAN PERAJURIT

SKIM BIASISWA YAYASAN WARISAN PERAJURIT

(PEPERIKSAAN UPSR DAN PMR 2011)

(Anjuran Syarikat-Syarikat Kumpulan LTAT)

*** KEGAGALAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT DI BAWAH MENGAKIBATKAN PERMOHONAN BIASISWA YWP TUAN/PUAN DITOLAK.**

KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN

1. Menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2011.
 - a. Seorang Warganegara Malaysia.
 - b. Memperolehi 5A, 4A1B atau 4A1C dan wajib mendapat salah satu keputusan A bagi Matapelajaran Bahasa Melayu (Pemahaman/Penulisan).
 - c. Matapelajaran yang diambil jika di Sekolah Rendah Kebangsaan.
 - i. Bahasa Melayu (Pemahaman)
 - ii. Bahasa Melayu (Penulisan)
 - iii. Bahasa Inggeris
 - iv. Matematik
 - v. Sains
 - vi. dan tambahan Bahasa Cina atau Tamil bagi pemohon pemohon dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil.
2. Menduduki peperiksaan PMR pada tahun 2011.
 - a. Seorang Warganegara Malaysia.
 - b. Memperolehi sekurang-kurangnya 6A ke atas dan wajib mendapat keputusan A bagi Matapelajaran Bahasa Melayu.
 - c. Matapelajaran yang diambil jika:
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Inggeris
 - iii. Matematik
 - iv. Sains
 - v. Sejarah
 - vi. Geografi
 - vii. Kemahiran Hidup Bersepadu Pilihan 2
 - viii. Pendidikan Islam
 - ix. Bahasa Arab (SMKA/SMA) dan Bahasa Cina/Tamil (SMJKC/T).
3. Butiran dalam borang dan dokumen yang difotostat tetapi tidak terang / jelas atau tidak lengkap sepertimana yang dikehendaki akan menyebabkan kegagalan dalam permohonan.
4. Butiran nama penerima dan nama bapa di dalam Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Slip Keputusan Peperiksaan dan Buku Akaun hendaklah sama dari segi ejaan nama.
5. Sebarang perubahan kepada keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan hendaklah disertakan bersama slip keputusan yang terdahulu.
6. Borang permohonan bagi anak-anak ATM/Kerahan sepenuh masa di mana ibu/bapa masih dalam perkhidmatan hendaklah diserahkan melalui Jabatan Arah Pendidikan ATM Kementah.
7. Borang permohonan anak-anak bekas ATM/Kerahan sepenuh masa di mana ibu/bapa telah tamat perkhidmatan hendaklah diserahkan melalui Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Bahagian/Cawangan negeri masing-masing.

SENARAI SEMAKAN:

Sila lampirkan **1 salinan fotostat bersaiz kertas A4**, dokumen-dokumen berikut bersama-sama borang permohonan.

1. Kad Pengenalan/salinan sementara Kad Pengenalan Pelajar daripada JPN yang tertera nombor Kad Pengenalan.
2. Sijil Kelahiran Pelajar

3. Buku Akaun BSN/AFFIN Bank pemohon sahaja (bukan akaun bersama ayah/ibu).
4. Keputusan peperiksaan UPSR/PMR 2011 (yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja dan bukan daripada pihak sekolah).
5. Buku Pesaraan bagi Bekas Tentera (yang tertera maklumat diri) / My Tentera / BAT C10 (penjaga yang masih berkhidmat).
6. Salinan PERBAH II Pasukan bagi anak angkat/tiri. (Anak angkat/tiri yang diambil selepas tamat perkhidmatan tidak layak memohon)

Sila kepilkan dokumen-dokumen tersebut mengikut turutan di atas bersama-sama kad beralamat sendiri "Akaun Terima Borang Permohonan" dan lekatkan setem 60 sen.

Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Pasukan/PBTM/ pihak Sekolah.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada pihak Jabatan Arah Pendidikan ATM/PBTM Bahagian/Cawangan tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan iaitu pada atau sebelum:

- a. Peperiksaan UPSR sebelum 15 Feb 2012.
- b. Peperiksaan PMR sebelum 15 Mac 2012.

MAKLUMAT PENTING

- a. Bantuan diberi adalah bergantung kepada kedudukan kewangan dan jumlah dana yang diterima daripada anak-anak syarikat LTAT.
- b. Selepas pembayaran pertama dibuat, bayaran seterusnya adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan tahunan.
- c. Laporan Tahunan Akademik Pelajar perlu dihantar pada atau sebelum **28 Februari setiap tahun** bagi bayaran berikutnya. Kelewatan/kegagalan menghantar Laporan Tahunan Akademik Pelajar akan menyebabkan pelajar gagal menerima bayaran seterusnya. Sila catat **Nombor Tentera ibu/bapa dan nama serta No. K/P pelajar di Laporan Tahunan Akademik Pelajar.**
- d. Setiap Laporan Tahunan Akademik pelajar perlu dihantar kepada Jabatan Arah Pendidikan, KEMANTAH (ATM) atau kepada PBTM Bahagian masing-masing (anak-anak bekas tentera).
- e. Permohonan Biasiswa YWP yang dihantar melebihi daripada sekali bagi peperiksaan yang sama akan menyebabkan kegagalan dalam permohonan.
- f. Semua dokumen di atas tidak akan dikembalikan kepada pemohon.
- g. Permohonan yang tidak layak memohon:
 - * Anak-Anak askar bekas Wataniah tidak sepenuh masa.
 - * Anak-anak Bekas Tentera British.
 - * Anak Angkat/Anak Tiri yang diambil selepas tamat perkhidmatan.

Borang yang dihantar terus kepada LTAT akan ditolak dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.